

# PERSATUAN CATUR NEGERI KELANTAN



Ruj. Kami : PCNK/17/KC(02)

Ruj. Tuan :

16 JANUARI 2017

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tuan / Puan,

**PERKARA : JEMPUTAN MENYERTAI KEJOHANAN CATUR TERTUTUP  
KELANTAN 2017 DAN KEJOHANAN CATUR PERINGKAT UMUR  
KELANTAN (SIRI 1)**

Persatuan Catur Negeri Kelantan (PCNK) sukacitanya menjemput pihak tuan untuk menghantar wakil bagi menyertai Kejohanan Catur Tertutup Kelantan 2017 dan Kejohanan Catur Peringkat Umur Kelantan (Siri 1) di Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Kota Bharu, Kelantan.

2. Maklumat lanjut berkenaan kejohanan adalah seperti berikut:

**Tarikh : 28 Januari 2017 (Sabtu)**  
**Masa : 8.00 Pagi – 6.00 Petang**  
**Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Kota Bharu, Kelantan**

3. Semoga dengan penyertaan pemain catur dari pihak tuan akan memeriahkan lagi kejohanan tersebut, seterusnya dapat memberi ruang dan peluang para pemain catur menguji kemahiran dan tahap penguasaan mereka dalam sukan catur.

Sekian, Terima Kasih.

Yang Benar,

.....  
MOHD AZIZUL BIN MAT DAUD  
Presiden  
Persatuan Catur Negeri Kelantan  
Email: [catur.kelantan@gmail.com](mailto:catur.kelantan@gmail.com) Tel: 019-6138802

# **KEJOHANAN CATUR TERTUTUP KELANTAN 2017 DAN KEJOHANAN CATUR PERINGKAT UMUR KELANTAN (SIRI 1)**

Penyertaan terbuka kepada ahli PCNK sahaja.

## **ANJURAN**

Satu kejohanan catur anjuran Persatuan Catur Negeri Kelantan

## **TEMPAT PERTANDINGAN**

Kejohanan akan dijalankan di Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Kota Bharu, Kelantan.

## **KAWALAN MASA**

25 Minit hingga tamat (*\*penganjur berhak untuk mengubah kawalan masa jika perlu*)

## **FORMAT PERTANDINGAN**

7 Pusingan Swiss (*\*penganjur berhak untuk mengubah jumlah pusingan jika perlu*)

## **TIE BREAK**

Untuk menentukan pemenang, sistem pemutus berikut akan digunakan:

1. Solkoff
2. SB
3. Cumulative

## **JADUAL PERTANDINGAN**

28/1/2017 (Sabtu)

| <b>Waktu</b>  | <b>Jadual</b>                         |
|---------------|---------------------------------------|
| 7:30 - 8:30   | Check in / Pendaftaran                |
| 9:00 - 9:15   | Taklimat Arbiter                      |
| 9:15 - 10:05  | Round 1                               |
| 10:15 - 11:05 | Round 2                               |
| 11:15 - 12:05 | Round 3                               |
| 12:15 - 13:05 | Round 4                               |
| 13:05 - 14:30 | Rehat / Makan tengahari / Solat Zohor |
| 14:30 - 15:20 | Round 5                               |
| 15:30 - 16:20 | Round 6                               |
| 16:30 - 17:20 | Round 7                               |
| 18:00         | Penutup dan Penyampaian Hadiah        |

## **PERATURAN PERTANDINGAN**

Pertandingan akan dijalankan mengikut undang-undang FIDE (Persekutuan Catur Dunia) dan beberapa peraturan tambahan penganjuran. Kami mengambil kesempatan pertandingan ini untuk memperkenalkan peraturan standard pertandingan yang diguna pakai di mana-mana pertandingan catur serata dunia.

## **Tambahan Peraturan Pertandingan**

1. Undang-undang FIDE diguna pakai beserta undang-undang dan peraturan tambahan.
2. Pihak penganjur berhak menerima atau menolak permohonan pendaftaran peserta tanpa sebarang penjelasan. Pihak penganjur juga, dengan budi bicara berhak menghadkan jumlah penyertaan berdasarkan "first-come-first-serve basis" kerana tempat adalah terhad (200 tempat). Pihak penganjur akan memulangkan kembali wang pendaftaran peserta yang terpaksa di tolak kemasukannya.
3. Kesemua peserta dimestikan bermain kesemua 7 pusingan di dalam kejohanan ini. Pemain yang mempunyai jumlah mata tertinggi selepas 7 pusingan akan di isytiharkan sebagai pemenang.
4. Di dalam keadaan di mana markah yang diperolehi adalah sama, maka sistem pemutus akan digunakan.
5. Kawalan masa adalah 25 minit hingga tamat, iaitu pemain mesti melengkapkan pergerakan permainan dalam jangkamasa yang ditetapkan. Di dalam keadaan di mana tiada keputusan pemenang sehingga masa tamat, adalah ditetapkan pemain yang kehabisan masa dahulu (atau jatuh bendera) dikira kalah. Waktu menunggu pemain (walkover) ditetap selama 25 minit.
6. Pemain yang kalah adalah bertanggungjawab untuk menyusun semula kesemua 32 buah catur di papan catur selepas habis permainan. Dalam keadaan dimana keputusan adalah seri, pemain hitam adalah dipertanggungjawabkan untuk menyusun buah catur, dan pemain putih diminta menghantar keputusan kepada pengadil.
7. Pihak penganjur berharap para pemain dan para pelawat termasuk ibu bapa dan guru dapat menjaga kesopanan dan tatasusila sepanjang pertandingan berlangsung. Pengarah pertandingan berhak menyingkirkan mana-mana pemain yang dirasakan mengganggu dan gagal mematuhi peraturan pertandingan.
8. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Ketua Arbiter, Pengarah Pertandingan, dan para pengadil yang lain yang berkaitan pertandingan adalah muktamad.
9. **Para pemain termasuk pelawat di minta berpakaian sopan sepanjang pertandingan berlangsung. Selipar dan seluar pendek tidak dibenarkan sama sekali, demi menjaga etika dan protocol kejohanan.**

## **YURAN PERTANDINGAN DAN PENDAFTARAN**

Yuran pertandingan adalah sebanyak RM30.00 bagi ahli biasa, RM20 bagi ahli aktif, RM10 bagi kategori Peringkat Umur.

Untuk memudahkan pengurusan, sila buat bayaran awal ke akaun **RHB '20305360012947'** (*atas nama Persatuan Catur Negeri Kelantan*).

Pendaftaran awal amat digalakkan bagi memastikan pihak tuan mendapat tempat kerana hanya 200 penyertaan terawal yang akan diterima.

**Peserta perlu mendaftarkan nama secara maya di <http://bit.do/kelantanclosed> untuk memudahkan pengurusan dan kemasukkan nama dalam sistem pairing secara tepat dan cepat.**

*Yuran hendaklah dibayar pada atau sebelum 26 Jan 2017 (laitu tarikh tutup penyertaan) bagi memudahkan pengurusan dan mempercepatkan proses pendaftaran di hari kejadian.*

### **PERTANYAAN**

Sila kemukakan sebarang pertanyaan kepada Pengurus Pertandingan yang terlibat seperti berikut :

**0196138802 Cgu Mohd Azizul, 0169640972 Faridzul, 0137238898 Rhozisham Abd Rashid (berkaitan pendaftaran dan tempat kejohanan)**

### **HADIAH KEJOHANAN**

#### **KATEGORI BAWAH 12, & 18 TAHUN:**

1st : RM 50 + Medal + Sijil Pencapaian

2nd : RM 30 + Medal + Sijil Pencapaian

3rd : RM 20 + Medal + Sijil Pencapaian

Tempat ke 4 – 10: Medal + Sijil Pencapaian

#### **KATEGORI TERTUTUP KELANTAN :**

1st : RM 300 + Medal + Sijil Pencapaian

2nd : RM 150 + Medal + Sijil Pencapaian

3rd : RM 100 + Medal + Sijil Pencapaian

Tempat Ke 4- 10 : RM 50 + Medal + Sijil Pencapaian

#### **Terbaik Wanita**

Pertama : RM 50 + Medal + Sijil Pencapaian

Kedua : RM 30 + Medal + Sijil Pencapaian

Ketiga : RM 20 + Medal + Sijil Pencapaian

**KEJOHANAN CATUR TERTUTUP KELANTAN  
(RATING KEBANGSAAN)**



**KEJOHANAN CATUR PERINGKAT UMUR  
KELANTAN (SIRI 1)**

|               |   |                |                                 |
|---------------|---|----------------|---------------------------------|
| <b>Tarikh</b> | 28 Januari 2017                             |                |                                 |
| <b>Masa</b>   | 8 pagi hingga 6.00 petang                   |                |                                 |
| <b>Tempat</b> | Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan |                |                                 |
| <b>Format</b> | 25 Minit/7 pusingan                         | <b>Arbiter</b> | En. Nik Mohd Azrihan Abd Ghafar |

**Hadiah dan Kategori yang dipertandingkan**

(Semua peserta akan memperoleh sijil)

|                       | <b>Terbuka</b> | <b>Bawah 17</b>        | <b>Bawah 12</b> |
|-----------------------|----------------|------------------------|-----------------|
| Johan                 | RM300 + Medal  | RM 50 + Medal          | RM 50 + Medal   |
| Naib Johan            | RM150 + Medal  | RM 30 + Medal          | RM 30 + Medal   |
| KE-3                  | RM100 + Medal  | RM 20 + Medal          | RM 20 + Medal   |
| KE-4                  | RM50 + Medal   | Medal                  | Medal           |
| KE-5                  | RM50 + Medal   | Medal                  | Medal           |
| KE-6                  | RM50 + Medal   | Medal                  | Medal           |
| KE-7                  | RM50 + Medal   | Medal                  | Medal           |
| KE-8                  | RM50 + Medal   | Medal                  | Medal           |
| KE-9                  | RM50 + Medal   | Medal                  | Medal           |
| KE-10                 | RM50 + Medal   | Medal                  | Medal           |
| <b>Terbaik Wanita</b> |                | <b>Yuran Kejohanan</b> |                 |
| Pertama               | RM50 + Medal   | Terbuka (Ahli Biasa)   | RM 30           |
| Kedua                 | RM30 + Medal   | Terbuka (Ahli Aktif)   | RM 20           |
| Ketiga                | RM20 + Medal   | Bawah 17               | RM 10           |
|                       |                | Bawah 12               | RM 10           |

**Borang Penyertaan**

|                               |          |              |  |
|-------------------------------|----------|--------------|--|
| <b>Nama</b>                   |          |              |  |
| <b>Kategori<br/>(tanda X)</b> | Terbuka  |              |  |
|                               | Bawah 17 |              |  |
|                               | Bawah 12 |              |  |
| <b>No IC</b>                  |          | <b>NR</b>    |  |
| <b>No Phone</b>               |          | <b>Email</b> |  |

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada **26 Januari 2017**, denda sebanyak RM 10 akan dikenakan bagi pendaftaran selepas pada tarikh ini.

Untuk mendaftar, sila bank in kepada akaun bank Persatuan Catur Negeri Kelantan **RHB (20305360012947)** dan SMSkan (Nama, kategori, rating dan masa bank in kepada 0169640972)

Sebarang pertanyaan dan info layari **www.pcnk.org** atau boleh hubungi **016 9640972** (En Faridzul)